

20 SEP 2002

Belanjawan-Reaksi (Pembangkang)

REAKSI BERCAMPUR-CAMPUR DARI PARTI PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Pembentangan Belanjawan 2003 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad hari ini mendapat reaksi bercampur-campur daripada barisan parti pembangkang.

Presiden Parti Keadilan Nasional Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail menyuarakan ketidakpuasannya apabila Perdana Menteri tidak menyentuh mengenai isu keselamatan makanan yang dianggap penting.

Mengenai langkah mewujudkan kontraktor dan usahawan bumiputera yang berdaya maju, Wan Azizah berkata kemudahan yang diberikan kepada golongan itu akan membuka ruang untuk melakukan penyelewengan.

"Perdana Menteri tidak menyatakan apakah cara yang akan dilakukan untuk menangani masalah ini sama ada melalui tender terbuka atau apa...", katanya ketika ditemui di lobi Bangunan Parlimen selepas pembentangan belanjawan itu.

Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock pula yakin rakyat akan menyambut baik Belanjawan 2003 kerana tidak ada sebarang cukai baru diperkenalkan atau cukai sedia ada dinaikkan.

Naib Pengerusi DAP Dr Tan Seng Giaw pula berkata peruntukan kira-kira RM5 bilion bagi pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dirancang untuk perbelanjaan yang berkesan.

Mengenai tiada cukai baru dikenakan atau kenaikan cukai, beliau berkata ia memang suatu yang baik dan diterima rakyat tetapi kerajaan sebaliknya meningkatkan usaha pematuhan pembayaran cukai yang lebih tegas.

"Ia suatu belanjawan yang menggalakkan sektor swasta mengadakan kegiatan ekonomi dan pada masa yang sama, menarik sokongan rakyat kepada kerajaan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda PAS Mahfuz Omar memuji langkah kerajaan memberi peruntukan sebanyak RM1 billion sebagai tabung simpanan pendidikan khusus untuk membiayai pendidikan tinggi di kalangan anak-anak keluarga yang berpendapatan rendah.

"Bagaimanapun, saya mengharapkan pemberian buku teks secara percuma diberikan kepada semua golongan dan bukannya berdasarkan pendapatan," katanya.

Mahfuz berkata kerajaan juga perlu menetapkan garis panduan bagi pihak bank yang memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi supaya tidak mengenakan faedah yang tinggi.

Naib Presiden PAS, Mustafa Ali, pula menyifatkan pembentangan Belanjawan 2003 kali ini berbentuk belanjawan pilihan raya.

"Nampaknya isu-isu asas seperti kemiskinan, perumahan tidak ada penyelesaian jangka panjang, yang ada hanya penyelesaian jangka pendek... pelan ini nyata untuk menghadapi pilihan raya," katanya.

-- BERNAMA

ZMN SNS HS NAK